



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

INISIATIF TALIAN KECEMASAN UNTUK KANAK-KANAK, CHIDLIN MALAYSIA, KIAN HAMPPIR MENJADI KENYATAAN

KUALA LUMPUR, 19 Mei 2009 – Inisiatif Childline Malaysia, satu talian khusus yang membolehkan kanak-kanak dalam kesusahan mendapatkan bantuan menerusi satu panggilan telefon, semakin hampir menjadi kenyataan dengan pembabitian lebih 140 badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan, Childline International dan sektor swasta.

Inisiatif ini digerakkan sekumpulan warga Malaysia daripada pelbagai latar belakang yang prihatin terhadap kezaliman dan jenayah terhadap kanak-kanak sejak dua tahun lalu. Antara kes yang menjadi pemacu kepada inisiatif ini ialah Nurin Jazlin Jazimi, Sharlinie Mohd Nashar dan Mohd Asmawi yang sehingga kini belum diselesaikan.

Childline Malaysia ialah perkhidmatan talian telefon percuma 24 jam untuk kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan bantuan kecemasan. Talian ini akan menyambungkan kanak-kanak kepada perkhidmatan bantuan jangka panjang yang meliputi pelbagai agensi.

Perkhidmatan ini akan dibiayai oleh inisiatif swasta dan dilaksanakan secara kerjasama dengan NGO yang terbabit dengan kebajikan kanak-kanak, Unicef, agensi kerajaan termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta syarikat telekomunikasi.

Menurut Pengerusi Childline Malaysia, Sabri Abdul Rahman, Childline Malaysia akan menghulurkan bantuan apabila kanak-kanak yang menghadapi krisis menghubungi talian ini pada bila-bila masa.

“Childline Malaysia akan menjadi penghubung kepada bantuan dan perlindungan segera yang diperlukan oleh kanak-kanak dalam krisis dan kemudiannya merujukannya kepada organisasi lain untuk program pemulihan jangka panjang jika perlu,” katanya.

Bagi membolehkan inisiatif ini dilancarkan dengan jayanya, satu Mesyuarat Pemegang-Pemegang Kepentingan Childline Malaysia diadakan pada 19 Mei 2009 sempena sambutan Hari Talian Bantuan Kanak-Kanak Antarabangsa. Mesyuarat ini akan dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, yang mencetuskan idea penubuhan program bantuan jangka panjang untuk kanak-kanak.

Turut hadir ialah Ketua Program Child Helpline International, Leen Decadt, yang akan memberikan taklimat mengenai program serupa yang dijalankan di negara lain. Child Helpline International adalah rangkaian talian kecemasan global yang membantu melindungi hak kanak-kanak di negara anggotanya. Pada masa ini, Childline Helpline International beroperasi di 150 negara dengan 91 anggota rasmi.

Childline Malaysia dijangka dilancarkan pada penghujung 2009 meliputi Peringkat Pertama iaitu perkhidmatan di Lembah Klang manakala Peringkat Kedua di seluruh negara menjelang 2010.

Tamat

Untuk maklumat lanjut mengenai Childline Malaysia, hubungi Puan PH Wong di Childline Malaysia tel: 603 5569 2755 atau e-mel wong@mctf.org.my atau layari childline@mctf.org.my



CHILDLINE MALAYSIA

...ing Children To be Heard...